



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

PROGRAM FRESH2FIT SIRI 3 PERINGKAT NEGERI PERLIS 2022

Pada 26 Jun 2022 bersamaan hari Ahad, Trash Hero Perlis dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis telah menganjurkan program FRESH2FIT siri 3 Peringkat Negeri Perlis di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis.

Objektif program pada kali ini adalah untuk meningkatkan kefahaman belia tentang perubahan iklim alam sekitar serta kesannya di Malaysia. Selain itu program ini juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan belia tentang tanggungjawab mereka untuk meminimumkan risiko dan kesan perubahan iklim. Program FRESH2FIT siri 3 ini juga bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran di kalangan golongan muda tentang keperluan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

Program ini disertai oleh pelajar-pelajar dari UITM Cawangan Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), dan Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Salang. Program ini turut disertai oleh masyarakat setempat. Seramai 80 Hero yang terdiri daripada 43 dewasa dan 37 kanak-kanak telah menjayakan program ini. Jumlah sampah yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 49.9 kg.

Program FRESH2FIT siri 3 ini telah memberi impak yang besar terhadap komuniti setempat di mana ianya telah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Ia turut membawa perubahan yang positif terhadap tahap kebersihan di kawasan di mana program ini dijalankan, yang kini telah bebas daripada sampah sarap. Adalah diharapkan agar program ini akan menjadi pemangkin agar masyarakat lebih menghargai alam sekitar dan seterusnya mengamalkan penjagaan alam sekitar sebagai rutin harian dan akhirnya mampu membawa perubahan sikap dalam kelompok komuniti secara total. Program seumpama ini seharusnya diuar-uarkan menerusi pelbagai jenis wadah bagi menarik minat golongan muda untuk menyertainya di masa akan datang.

PROGRAM JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) NEGERI PERLIS

Pada 25 hingga 26 Jun 2022 dan bertempat di Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Kangar, Perlis dimana Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) negeri Perlis telah berlangsung. Program anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) ini juga turut disertai penduduk Perlis dan lima urusetia Trash Hero Perlis.

Para peserta daripada BKT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Trash Hero Perlis perlu memahami objektif program supaya dapat berjalan lancar. Antaranya, melakukan kerja-kerja sukarelawan, pameran booth dan membersihkan kawasan yang telah ditetapkan dan memupuk semangat cintakan alam sekitar serta menggalakkan kesedaran di kalangan golongan muda tentang keperluan pengurusan alam sekitar. Untuk program ini, Trash Hero Perlis telah mempamerkan kraf-kraf buatan sendiri (DIY)/upcycle yang dibuat daripada barangan kitar semula seperti tin kepada tabung, botol kaca kepada pasu bunga, cawan kertas

kepada bekas alat tulis dan lain-lain. Selain itu, beg mesra alam Trash Hero (Tasini & INIBAGS), buku 'Trash Hero Kids Program' dan botol Trash Hero juga dipamerkan. Program ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis & Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Turut hadir pada program tersebut ialah YB Khairy Jamaluddin Abu Bakar, Menteri Kesihatan Malaysia.